

07/11/1999

Sukan Asia: Peluang cerah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin, usaha Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 adalah cerah selepas masyarakat antarabangsa menyaksikan sokongan padu rakyat menjayakan program Berjalan Untuk Negara.

Perdana Menteri berharap usaha bersungguh-sungguh Malaysia dalam kempen penawaran sebagai tuan rumah temasya ketiga terbesar dunia itu mendapat perhatian serius Majlis Olimpik Asia (OCA) dan negara ahli OCA yang lain.

"Kita harap dengan minat, sokongan rakyat kepada usaha ini, saya harap majlis (OCA) akan meluluskan penawaran Malaysia menjadi tuan rumah.

"Dan saya menjangka peluang Malaysia adalah cerah, kerana kita satu-satunya negara dari Asean yang menawarkan diri menjadi tuan rumah," katanya kepada pemberita selepas mengetuai lebih 20,000 peserta program Berjalan Untuk Negara peringkat kebangsaan di Taman Tasik Titiwangsa, di sini, semalam.

Malaysia belum pernah menjadi tuan rumah Sukan Asia.

Program Berjalan Untuk Negara adalah acara simbolik untuk seluruh rakyat Malaysia sama-sama menyokong hasrat negara menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Lebih dua juta rakyat pelbagai lapisan dan peringkat umur menyertai program ini yang dijalankan secara serentak di seluruh negara, bagi memberi sokongan kepada penawaran Malaysia itu.

Sebanyak 295 lokasi di seluruh negara dijadikan pusat untuk program ini dan peserta memulakan perjalanan tepat jam 8 pagi selepas Perdana Menteri membuka langkah pertama menjejakkan kaki di tapak disediakan.

Dr Mahathir berkata, beliau berasa amat bangga dengan sambutan rakyat terhadap usaha kerajaan untuk mendapat hak menjadi tuan rumah sukan itu.

"Jumlah mereka yang mendaftar dalam program Berjalan Untuk Negara 2,001,660 orang di seluruh negara. Ini menunjukkan hampir 10 peratus daripada rakyat Malaysia menyertai program ini," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata, jika mengambil kira rakyat Malaysia yang sihat dan boleh berjalan dalam lingkungan umur lapan hingga 50 tahun, sebenarnya peratusannya adalah jauh lebih tinggi dan boleh menjangkau 20 peratus.

"Nampaknya 20 peratus rakyat Malaysia yang mampu berjalan telah berjalan pada pagi ini menunjukkan sokongan kepada penawaran Malaysia untuk tuan rumah kepada Sukan Asia 2006," katanya.

Program di Tasik Titiwangsa bermula jam 7.30 pagi apabila Perdana Menteri bersama beberapa menteri Kabinet termasuk Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, menyertai acara senamrobik yang diketuai oleh Ahmad Hashim.

(END)